

Teori tambatan dalam bahasa Melayu

Binding theory in Malay

Hiroki Nomoto

1. Pengenalan

Teori Kuasaan dan Tambatan (*Government and Binding Theory*) terdiri daripada beberapa subteori. Salah satu daripada subteori-subteori tersebut ialah teori tambatan (*binding theory*). Teori tambatan ialah subteori yang menentukan penyebaran dan pentafsiran kata ganti nama (*pronouns*), kata ganti nama refleksif (*reflexives*), kata ganti nama menyalang (*reciprocals*), frasa nama am dan kategori kosong (*empty categories*), berdasarkan hubungan tambatan. Makalah ini membincangkan bagaimana teori tambatan berfungsi dalam tata bahasa bahasa Melayu.¹

Terdapat dua isu utama yang dibincangkan dalam makalah ini. Pertama, saya akan menghuraikan ungkapan anafora (*anaphors*) dalam bahasa Melayu. Apabila dibandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu didapati mempunyai pelbagai ungkapan anafora. Walaupun isu ini kelihatan tidak bersifat teoretis, namun ia tidak boleh diabaikan kerana kita tidak boleh melakukan kajian teoretis tanpa kajian deskriptif yang tepat dan baik. Isu ini akan dibincangkan dalam bahagian 3. Kedua, setelah dikenal pasti ungkapan anafora yang terlibat dalam teori tambatan, saya akan cuba menerapkan teori tambatan dalam konteks bahasa Melayu dalam bahagian 4. Fenomena refleksif jarak jauh (*long-distance reflexives*) yang giat dibincangkan dalam linguistik bahasa Melayu/Indonesia sebelum ini juga akan disebut dalam bahagian ini.²

Sebelum memasuki perbincangan mengenai kedua-dua isu tersebut, dalam bahagian 2 akan diperkenalkan secara ringkas teori tambatan dan konsep-konsep asas yang diperlukan untuk memahami teori tersebut. Pada hakikatnya, dalam perkembangan teori tata bahasa generatif, teori tambatan juga telah mengalami banyak pengubahsuaian. Namun begitu, perbincangan dalam makalah ini terbatas kepada peringkat asas sahaja dan bukanlah secara mendalam, kerana matlamat makalah ini bukannya untuk membincangkan teori itu sendiri, sebaliknya adalah untuk menerapkannya ke dalam bahasa Melayu. Kemungkinan terdapat contoh lawan (*counter examples*) yang gagal dijelaskan oleh apa yang dikemukakan dalam makalah ini. Masalah sedemikian akan saya simpan untuk kajian pada masa depan.

2. Teori tambatan

Dalam bahagian ini saya memperkenalkan teori tambatan dan konsep-konsep asas yang diperlukan untuk memahami teori tersebut.³ Contoh-contoh yang akan dikemukakan dalam bahagian ini semuanya adalah contoh bahasa Inggeris. Ini kerana teori ini mula-mula dicipta untuk menghuraikan dan menjelaskan data bahasa Inggeris dan oleh kerana itu, penerangan melalui contoh-contoh bahasa Inggeris adalah mudah difahami

¹ Kelainan (*variety*) bahasa Melayu dalam makalah ini adalah bahasa Melayu Formal Standard yang dituturkan di Malaysia.

² Untuk kajian terdahulu, sila lihat Cole dan Hermon (1998, 2005) bagi bahasa Melayu Singapura dan Gil (2001) bagi bahasa Indonesia Riau.

³ Untuk butir-butir teori, sila lihat Haegeman (1994) dan sebagainya.

dan paling berkesan. Pada asasnya, teori tambatan diutarakan sebagai salah satu prinsip Tatabahasa Sejagat (*Universal Grammar; UG*), dan bukannya sebagai prinsip khusus bahasa (*language specific*) kepada bahasa Inggeris. Ini bermaksud bahawa teori tambatan ini beroperasi dalam semua bahasa tabii yang dituturkan oleh manusia dalam dunia ini. Seandainya prinsip UG, termasuklah teori tambatan yang dibincangkan dalam makalah ini, kelihatan gagal diterapkan kepada sesuatu bahasa, maka implikasinya adalah sama ada teori itu sendiri perlu diubahsuai atau terdapat mekanisme khusus dalam bahasa tersebut yang mungkin belum disedari oleh para pengkaji.⁴

Mari kita lihat contoh ayat (1) di bawah.

(1) *John admires John.*

Perhatikan bahawa terdapat dua *John* dalam ayat (1), iaitu *John* sebagai subjek dan *John* sebagai objek, yang tidak merujuk kepada seorang yang sama. Hal ini direpresentasikan dalam contoh (2) dengan menggunakan indeks.

(2) *John_i admires John_j.

Sepatutnya, dua *John* mesti merujuk kepada dua orang yang berbeza, yang masing-masing bernama *John*. Hal ini pula direpresentasikan seperti dalam contoh yang berikut.

(3) John_i admires John_j.

Selanjutnya, (2) dan (3) dapat digabungkan menjadi (4).

(4) John_i admires John_{*i/j}.

Daripada contoh (4) didapati bahawa FN (frasa nama) *John* tidak boleh mempunyai anteseden (*antecedent*) dalam satu ayat yang sama. Oleh kerana FN *John* merupakan kata nama am atau FN yang dikenali sebagai ungkapan-R (*R-expressions*) dalam kosa ilmu sintaksis generatif, maka kita dapat mencapai satu generalisasi bahawa ungkapan-R tidak dapat mengambil anteseden dalam satu ayat yang sama.

Justeru, untuk menyampaikan makna (2), FN objek *John* digantikan oleh kata ganti nama refleksif yang fitur-φnya (diri, bilangan dan genus) sesuai dengan FN subjek, *himself* dalam konteks ini (5a). Kata ganti nama refleksif *himself* tidak dapat menggantikan FN subjek (5b), dan begitu juga kata ganti nama *he* dan *him*

⁴ Sehubungan ini, Zaharani dan Teoh (2006: 79) menyatakan seperti berikut:

‘Ada para ahli bahasa yang pernah membangkitkan isu bahawa analisis tatabahasa bahasa Melayu yang mirip kepada model tatabahasa barat atau Eropah kurang tepat bagi pemerian bahasa Melayu. Penulis menganggap perkara ini sebagai fobia intelek semata-mata.’

pun tidak boleh muncul sebagai ganti *John*, tidak kira subjek atau objek seperti dalam ayat (6).

- (5) a. John_i admires himself_i.
- b. $^*\text{Himself}_i$ admires John_i .
- (6) a. $^*\text{John}_i$ admires him_i.
- b. $^*\text{He}_i$ admires John_i .

Daripada contoh-contoh ini didapati bahawa kata ganti nama refleksif mesti mempunyai anteseden dalam ayat yang sama.

Untuk menyampaikan makna (3) pula, yang harus digunakan sebagai ganti FN *John* ialah kata ganti nama dan bukannya kata ganti nama refleksif.

- (7) a. $^*\text{John}_i$ admires himself_j.
- b. $^*\text{Himself}_j$ admires John_i .
- (8) a. John_i admires him_j.
- b. He_i admires John_j .

Daripada contoh ini juga didapati bahawa kata ganti nama tidak boleh mempunyai anteseden dalam ayat yang sama. Tambahan pula, ternyata bahawa kata ganti nama refleksif dan juga kata ganti nama menunjukkan penyebaran saling melengkapi (*complementary distribution*). Sebagai contoh, bandingkan ayat (5a) dengan (6a), dan ayat (7a) dengan (8a). Dalam bahasa Inggeris, kata ganti nama menyalang menunjukkan penyebaran yang sama dengan kata ganti nama refleksif. Dengan kata lain, kata ganti nama refleksif dan kata ganti nama menyalang membentuk satu kelompok FN. Kelompok berkenaan dipanggil sebagai anafor (*anaphor*). Oleh yang demikian, penyebaran saling melengkapi tadi sebenarnya wujud di antara anafor dan kata ganti nama.

Jika diteliti lebih lanjut, terdapat dua contoh lawan terhadap generalisasi di atas. Contoh lawan pertama adalah ayat seperti (9).

- (9) a. Tom_i thinks John_j admires himself _{$^*i/j/^*k$} .⁵
- b. Tom_i thinks John_j admires him _{$i/^*j/k$} .

Walaupun anafor dan kata ganti nama masih menunjukkan penyebaran saling melengkapi, terdapat masalah dari segi pentafsiran rujukan ungkapan anafora. Anafor *himself* dalam (9a) seharusnya dapat merujuk kepada bukan sahaja *John* bahkan *Tom*, kerana menurut generalisasi di atas, anafor mempunyai anteseden dalam ayat yang sama. Akan tetapi, situasi demikian sebenarnya tidak berlaku. Kata ganti nama *him* dalam (9b) pula seharusnya tidak boleh merujuk kepada *Tom* kerana menurut generalisasi di atas, kata ganti nama tidak boleh

⁵ Indeks 'k' di sini merujuk kepada orang lain daripada Tom (i) dan John (j).

mempunyai anteseden dalam ayat yang sama. Akan tetapi, situasi begini pun tidak berlaku juga.

Untuk menyelesaikan masalah ini, generalisasi tadi perlu diubahsuai. Konsep yang memainkan peranan penting di sini ialah kesetempatan (*locality*). Konsep kesetempatan ini menangani kenyataan bahawa operasi sintaksis hanya beroperasi dalam mandala (*domain*) yang sempit, atau yang terhad sahaja. Mandala ini dipanggil mandala setempat (*local domain*). Mandala bagi generalisasi di atas merupakan keseluruhan ayat dan ia ternyata terlalu luas. Justeru, jika mandala ini disempitkan kepada klausa yang terdekat, maka permasalahan tadi akan dapat diselesaikan.

- (10) a. Tom_i thinks [John_j admires himself_{*i/j/*k}].
b. Tom_i thinks [John_j admires him_{i/*j/k}].

Memandangkan klausa rendah (*lower clause*) yang ditandai kurungan persegi merupakan mandala setempat yang relevan, satu-satunya anteseden yang mungkin bagi ungkapan anafora, iaitu *himself* (10a) dan *him* (10b) adalah *John*. Pindaan generalisasi kita sekarang meramalkan dengan betul bahawa anafor *himself* mengambil *John* sebagai antesedennya dalam mandala setempat, sedangkan kata ganti nama *him* tidak.

Walau bagaimanapun, generalisasi yang telah dipinda tersebut masih tidak bebas daripada satu lagi contoh lawan, iaitu ayat seperti (11).


- (11) a. John's mother loves *himself/herself.
b. John's mother loves him/*her.

Generalisasi kita meramalkan bahawa anafor *herself* mengambil *John's mother* sebagai antesedennya (11a) dan kata ganti nama *her* tidak (11b). Yang menjadi masalah ialah anafor *himself* tidak boleh muncul (11a), walaupun wujud FN yang boleh jadi antesedennya, iaitu *John*, dalam mandala setempat (11a), sedangkan kata ganti nama *him* boleh muncul (11b). Keadaan ini bertentangan dengan ramalan generalisasi kita.

Punca masalah kali ini bukan berkaitan domain, tetapi berkaitan dengan konsep anteseden. Untuk sesuatu FN itu menjadi anteseden bagi ungkapan anafora, ia mesti memenuhi bukan sahaja syarat pendahuluan (*precedence*) tetapi juga syarat hierarki (*hierarchy*). Perkara ini ditangani oleh satu konsep primitif yang dipanggil 'pemerintahan-c' (*c-command*). Pemerintahan-c ditakrifkan seperti berikut.

- (12) α memerintah-c β jika α tidak menaungi β dan setiap γ yang menaungi α menaungi β .
(α c-commands β if α does not dominate β and every γ that dominates α dominates β .)


(13)



Misalnya, dalam konfigurasi (13), B memerintah-c G ($\alpha = B$; $\beta = G$; $\gamma = A$), sedangkan D tidak memerintah-c G kerana B tidak menaungi G ($\alpha = D$; $\beta = G$; $\gamma = A, B$).

Berbalik kepada contoh (11), ternyata FN subjek *John's mother* memerintah-c kedudukan objek yang diduduki oleh *himself*, *herself*, *him* dan *her*, tetapi FN *John*, yang merupakan sebahagian daripada FN subjek *John's mother*, tidak memerintah-c kedudukan objek.

(14)




Generalisasi kita sekarang dapat dirumuskan sebagai syarat tambatan (*binding condition*) dengan menggunakan konsep tambatan. Konsep tambatan ditakrifkan seperti berikut.

(15) tambatan (*binding*)

α menambat β jika α memerintah-c β , dan α dan β mempunyai indeks yang sama.

(α binds β if α c-commands β dan α, β are coindexed.)

(16)



Misalnya, dalam konfigurasi (16), A menambat D. Tetapi A tidak menambat B dan C kerana indeks yang berlainan, D tidak menambat A kerana D tidak memerintah-c A. (17) adalah syarat tambatan.

- (17) syarat tambatan (*binding conditions*)
- A. Anafor mesti ditambat dalam kategori kuasaannya.
(*An anaphor must be bound in its governing category.*)
 - B. Kata ganti nama mesti bebas dalam kategori kuasaannya.
(*A pronoun must be free in its governing category.*)
 - C. Ungkapan-R mesti bebas.
(*An R-expression must be free.*)
- (18) Jika α tidak ditambat, maka α adalah bebas.
(*If α is not bound, then α is free.*)

Mandala setempat bagi tujuan teori tambatan adalah kategori kuasaan (*governing category*). Walaupun terdapat beberapa versi kategori kuasaan yang telah disarankan dalam kosa ilmu, makalah ini mengambil satu versi yang menganggap TP (= IP) dan NP yang terdekat, sebagai kategori kuasaan (Chomsky 1981: 188). Seperti yang dijelaskan daripada Syarat C di atas, ungkapan-R tidak ada kena-mengena dengan mandala setempat atau kategori kuasaan.

- (19) a. *He_i hates John_i.
b. *He_i thinks that [Bill hates John_i].

3. Ungkapan anafora dalam bahasa Melayu

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian 2, teori tambatan terdiri daripada tiga syarat, iaitu Syarat A untuk anafor, Syarat B untuk kata ganti nama dan Syarat C untuk ungkapan-R. Dalam erti kata lain, FN dapat diklasifikasikan kepada tiga kelompok berdasarkan teori tambatan. Sebelum membincangkan penerapan teori tambatan pada bahasa Melayu, kita perlu mengenal pasti apakah yang dimaksudkan dengan ungkapan anafora dalam bahasa Melayu. Saya ingin membincangkan tentang anafor sahaja kerana mungkin tidak ada apa-apa masalah dengan kata ganti nama dan ungkapan-R. Anafor terdiri daripada kata ganti nama refleksif dan kata ganti nama menyaling. Terlebih dahulu, saya akan membincangkan kata ganti nama menyaling dalam bahagian 3.1, dan kemudian kata ganti nama refleksif dalam bahagian 3.2.

3.1 Kata ganti nama menyaling

Kata ganti nama menyaling adalah kata ganti nama yang menyatakan perbuatan atau hubungan menyaling, contohnya *each other* dan *one another* dalam bahasa Inggeris dan *otagai* dalam bahasa Jepun. Bahasa Melayu mempunyai tiga cara utama untuk mengungkapkan makna menyaling ini.

Cara pertama adalah dengan meletakkan perkataan *saling* di hadapan kata kerja.

- (20) a. Kami *saling* berutus surat.
b. Mereka *saling* memahami.

(Collins Headstart Easy Learning Bilingual Dictionary: 964)

Struktur seperti (20b), di mana FN objek tidak muncul, memerlukan kajian lanjut. Walau bagaimanapun, untuk tujuan makalah ini, perkataan *saling* adalah tidak relevan.

Cara kedua adalah secara morfologi, iaitu dengan menggunakan penggandaan dan pengimbuhan.

- (21) a. Cinta bebas bukanlah bererti bebas *berpeluk-pelukan* dan *bercium-ciuman*.

(Kamus Dewan: 243)

- b. Malik sering melihat mereka *tolong-menolong* dalam perjalanan yang jauh itu.

(Intelek Malay-English Dictionary: 460)

Oleh kerana pengimbuhan di sini tidak melibatkan kata nama, melainkan hanya kata kerja, maka kes ini juga tidak relevan.

Cara ketiga adalah dengan menggunakan frasa *satu sama lain*. Frasa ini lazimnya didahului oleh kata sendi nama *antara*.

- (22) Mereka tidak mengenali antara *satu sama lain*.

(Collins Headstart Easy Learning Bilingual Dictionary: 150)

Dalam makalah ini saya menganggap frasa ini sebagai satu masukan leksikal yang merupakan kata ganti nama menyalang. Frasa tersebut boleh berfungsi sebagai objek langsung (23a), objek tak langsung (23b) tetapi tidak boleh menjadi subjek (23c) seperti *each other* dalam bahasa Inggeris (24).

- (23) a. Rakyat negara ini menghormati satu sama lain.
b. Suami isteri itu memberi hadiah kepada satu sama lain.
c. *Satu sama lain menembak polis dan perompak di jalan raya.
(cf. Polis dan perompak menembak (antara) satu sama lain di jalan raya.)
- (24) *Each other attacked the boys.
(cf. The boys attacked each other.)

Penyebaran ini akan saya jelaskan berdasarkan teori tambatan dalam bahagian 4 nanti.

3.2 Kata ganti nama refleksif

Kata ganti nama refleksif adalah kata ganti nama yang menunjukkan bahawa perbuatan kata kerja tersebut mempengaruhi pelaku perbuatan berkenaan sendiri. Dalam bahasa Inggeris kata ganti nama refleksif terdiri daripada dua unsur, iaitu kata ganti nama diri (bentuk genitif bagi orang pertama dan kedua, dan bentuk akusatif bagi orang ketiga) dan *-self/selves*. Misalnya, kata ganti nama refleksif orang pertama tunggal adalah *myself* (*my* + *-self*), kata ganti nama refleksif orang ketiga jamak adalah *themselves* (*them* + *-selves*) dan sebagainya. Dalam kosa ilmu bahasa Jepun pula, lazimnya *zibun* dan *zibun zisin* dianggap sebagai ungkapan refleksif.

Kata ganti nama refleksif dalam bahasa Melayu pula terdiri daripada tiga unsur, iaitu *diri*, kata ganti nama diri dan *sendiri*. Berbeza daripada bahasa Inggeris, kesemua tiga unsur ini tidak semestinya digunakan. Contohnya, perkataan *diri* sahaja yang wajib, sedangkan kata ganti nama diri dan *sendiri* adalah tidak wajib. Tiga unsur ini boleh digabungkan mengikut urutan '*diri* - kata ganti nama diri - *sendiri*'. Jadi, terdapat empat kombinasi yang berkemungkinan: (i) *diri*, (ii) *diri* + kata ganti nama diri (contoh: *dirinya*), (iii) *diri sendiri* dan (iv) *diri* + kata ganti nama diri + *sendiri* (contoh: *dirinya sendiri*).

Contoh (25) di bawah menunjukkan sama ada kata ganti refleksif ini dapat berfungsi sebagai subjek (25a), objek langsung (25b) dan objek tak langsung (25c).

- (25) a. Ahmad fikir [{**diri*/**diri sendiri*/²*dirinya/dirinya sendiri*} akan pergi ke KL besok].⁶
b. Ali memukul {**diri*/*diri sendiri*/*dirinya/dirinya sendiri*}.
c. Faridah membeli baju itu untuk {**diri*/*diri sendiri*/*dirinya/dirinya sendiri*}.

Cole dan Hermon (2005: 634) menyatakan bahawa *dirinya sendiri* di kedudukan subjek sebenarnya bukanlah satu unit refleksif tulen, tetapi perkataan *sendiri* dibubuh selepas *dirinya* untuk tujuan penekanan. Jika demikian, dapat dikatakan bahawa hanya *dirinya* sahaja yang dibenarkan di lingkungan subjek. Jika kita lihat dalam (25) yang di atas sahaja, nampaknya *diri* tidak boleh muncul di mana-mana pun. Walau bagaimanapun, ia sebenarnya dapat muncul sebagai objek langsung, sebagaimana dalam contoh (26).

- (26) a. Aminah melihat *diri* di cermin.
b. Kita mesti selalu mendekatkan *diri* dengan ibu bapa kita.

(Collins Headstart Easy Learning Bilingual Dictionary: 668)

Saya belum meneliti apakah faktor yang menentukan kegramatisan kehadiran *diri* sebagai objek langsung. Justeru, saya terpaksa menangguhkan perbincangan tentang *diri* buat sementara ini.

⁶ Menurut Cole dan Hermon (2005), *dirinya* di lingkungan ini adalah gramatis dalam bahasa Melayu Singapura. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu Malaysia, ayat berkenaan janggal meskipun ia bukanlah tidak gramatis.

4. Penerapan teori tambatan pada bahasa Melayu

Dalam bahagian ini saya cuba menerapkan teori tambatan pada bahasa Melayu. Seperti yang telah dikemukakan dalam bahagian 2, teori tambatan (ditunjukkan semula di bawah) menerangkan penyebaran dan pentafsiran FN.

(27) syarat tambatan (*binding conditions*)

A. Anafor mesti ditambat dalam kategori kuasaannya.

(*An anaphor must be bound in its governing category.*)

B. Kata ganti nama mesti bebas dalam kategori kuasaannya.

(*A pronoun must be free in its governing category.*)

C. Ungkapan-R mesti bebas.

(*An R-expression must be free.*)

(28) Jika α tidak ditambat, maka α adalah bebas.

(*If α is not bound, then α is free.*)

Oleh kerana syarat tambatan terdiri daripada tiga prinsip, maka bahagian 4 ini mempunyai tiga subbahagian untuk setiap prinsip, iaitu Syarat A (bahagian 4.1), Syarat B (bahagian 4.2) dan Syarat C (bahagian 4.3). Bahagian 4.4 membincangkan fenomena refleksif jarak jauh yang tidak wujud dalam bahasa Inggeris, tetapi wujud dalam bahasa Melayu, bahasa Jepun dan bahasa Cina Mandarin.

4.1 Syarat A—anafor

Seperti telah dikemukakan dalam bahagian 3, anafor dalam bahasa Melayu adalah kata ganti nama menyalang *satu sama lain* dan kata ganti nama refleksif *diri*, '*diri* + kata ganti nama diri', *diri sendiri* dan '*diri* + kata ganti nama diri + *sendiri*'. Makalah ini tidak membincangkan tentang *diri* disebabkan alasan yang dinyatakan dalam bahagian 3.2.

Syarat A dalam teori tambatan boleh diterapkan pada bahasa Melayu kecuali '*diri* + kata ganti nama diri'. Kekecualian pola tersebut timbul kerana ia digunakan sebagai refleksif jarak jauh yang akan dibincangkan di bahagian 4.4 nanti. Berikut dikemukakan semula contoh ayat yang terdahulu (23) dan (25), masing-masing sebagai (29) dan (30) di bawah, dengan sedikit pengubahsuaian. Dalam contoh kali ini, rujukan anafor ditunjukkan dengan menggunakan indeks.

(29) a. *Satu sama lain_i menembak [polis dan perompak]_i di jalan raya.

b. [Rakyat negara ini]_i menghormati satu sama lain_i.

c. [Suami isteri itu]_i memberi hadiah kepada satu sama lain_i.

- (30) a. *Ahmad_i fikir [diri sendiri_i akan pergi ke KL besok].⁷
 b. Ali_i memukul {diri sendiri_i/dirinya sendiri_i}.
 c. Faridah_i membeli baju itu untuk {diri sendiri_i/dirinya sendiri_i}.

Dari segi penyebaran, anafor dilarang muncul sebagai subjek. Ini kerana anafor yang muncul sebagai subjek tidak ditambat, manakala anafor yang muncul sebagai objek ditambat oleh anteseden, iaitu FN subjek dalam klausa sama. Dengan kata lain, anafor sebagai subjek melanggar Syarat A dan ayat tersebut menjadi tidak gramatis, manakala anafor sebagai objek tidak melanggar Syarat A dan ayat tersebut adalah gramatis.


Teori tambatan juga boleh meramalkan tafsiran anafor. Contoh (31) dan (32) di bawah membuktikan hal ini dengan baik.

- (31) Siti_i fikir [Ali_j memukul {diri sendiri_{*i/j/*k}/dirinya sendiri_{*i/j/*k}}].
 (32) [Bapa Siti_i]_j tidak suka {diri sendiri_{*i/j/*k}/dirinya sendiri_{*i/j/*k}}.

Dalam contoh (31), anafor tidak boleh merujuk kepada FN subjek klausa matriks, iaitu *Siti*. Yang relevan di sini ialah kategori kuasa yang terdapat dalam Syarat A. Kategori kuasa bagi anafor dalam ayat (31) adalah klausa rendah yang ditandai dengan kurungan persegi. Dalam contoh ini, walaupun *Siti* menambat anafor, tetapi ia berada di luar kategori kuasa. Justeru itu, ia tidak berkecualan sebagai anteseden bagi anafor. FN subjek klausa rendah *Ali* pula, dapat menjadi anteseden bagi anafor kerana Syarat A ditepati, iaitu ia menambat anafor di dalam kategori kuasa. Dalam contoh (32), FN *bapa Siti* dapat menjadi anteseden bagi anafor, manakala FN *Siti* yang dikandunginya pula sebaliknya tidak. Ini kerana FN *Siti* tidak menambat anafor, memandangkan ia tidak memerintah-c anafor (lihat definisi tambatan (15) di atas). Hubungan pemerintahan-c dapat difahami dengan mudah menerusi konfigurasi ayat ini, seperti yang ditunjukkan di bawah.

⁷ Bentuk *dirinya sendiri* tidak dimasukkan kerana dalam ayat ini ia tidak berfungsi sebagai kata ganti nama refleksif tulen, walaupun ayat yang mengandungnya gramatis. Sila lihat nota kaki 6.

(33)



4.2 Syarat B—kata ganti nama

Syarat B boleh diterapkan kepada bahasa Melayu tanpa sebarang masalah. Ayat-ayat dalam (34) di bawah dibentuk dengan menggantikan anafor dalam ayat-ayat dalam (30) dengan kata ganti nama. Perhatikan bahawa kegramatisan adalah sebaliknya? diterbalikkan sebagaimana yang diramalkan oleh teori tambatan.

- (34) a. Ahmad_i fikir [dia_i akan pergi ke KL besok].
b. *Ali_i memukul dia_i.
c. *Faridah_i membeli baju itu untuk dia_i.

Ayat (34a) adalah gramatis kerana kata ganti nama *dia* tidak mempunyai anteseden dalam klausa rendah, yang ditandai dengan kurungan perseg. Dengan kata lain, kata ganti nama *dia* adalah bebas dalam kategori kuasaannya dan oleh itu, ini menepati Syarat B teori tambatan. Sebaliknya, (34b–c) tidak gramatis kerana kata ganti nama *dia* mempunyai anteseden dalam klausa yang sama. Dengan kata lain, kata ganti nama *dia* ditambat dalam kategori kuasaannya dan oleh itu melanggar Syarat B teori tambatan. Oleh kerana Syarat B melarang kata ganti nama daripada mempunyai anteseden dalam kategori kuasaannya, maka rujukan kata ganti nama dipilih dari luar kategori kuasa termasuk wacana di luar ayat berkenaan. Dengan kata lain, kata ganti nama *dia* merujuk kepada sama ada Ahmad atau orang lain dalam wacana dalam (34a), orang yang lain daripada Ali dalam (34b) dan orang yang lain daripada Faridah dalam (34c).

Begitu juga dengan (31) dan (32), jika anafor di situ digantikan oleh kata ganti nama, kegramatisannya diterbalikkan.

(35) Siti_i fikir [Ali_j memukul dia_{i/*j/k}]. (cf. (31))

(36) [Bapa Siti_i]_j tidak suka dia_{i/*j/k}. (cf. (32))

4.3 Syarat C—ungkapan-R

Syarat C juga boleh diterapkan kepada bahasa Melayu tanpa masalah.

- (37) a. Dia_i tidak suka Hassan_{*ij}.
b. Dia_i fikir [Faridah_j tidak suka Hassan_{*i/*j/k}].

Syarat C menyatakan bahawa ungkapan-R mesti bebas, tidak kira kategori kuasaan. Justeru, ungkapan-R *Hassan* (dan *Faridah*) dalam (37) tidak mempunyai anteseden dalam ayat yang sama. Satu kemungkinan ialah kata ganti nama *dia* boleh merujuk kepada Hassan (atau Faridah). Walau bagaimanapun, orang tersebut mestilah orang lain yang secara kebetulan mempunyai nama sama, misalnya Hassan Abdullah (= *dia*) dan Hassan Ahmad (= *Hassan*).

4.4 Refleksif jarak jauh—‘diri + kata ganti nama diri’

Dalam bahasa Melayu terdapat satu kata ganti nama refleksif yang tidak mematuhi Syarat A, iaitu ‘diri + kata ganti nama diri’. Dalam bahagian ini, saya mendakwa bahawa pola ‘diri + kata ganti nama diri’ ini digunakan sebagai refleksif jarak jauh (*long-distance reflexive*) dan memperlihatkan ciri-ciri kedua-dua kata ganti nama refleksif dan juga kata ganti nama.

Terlebih dahulu, saya ingin memperkenalkan apakah yang dimaksudkan dengan refleksif jarak jauh. Menurut Syarat A dalam teori tambatan, kata ganti nama refleksif mesti ditambah dalam kategori kuasaannya, iaitu kata ganti nama refleksif tersebut mestilah mempunyai anteseden dalam domain tempatannya. Namun begitu, terdapat sesetengah bahasa dalam dunia ini mempunyai kata ganti nama refleksif yang boleh juga ditambah oleh anteseden yang berada di luar kategori kuasaannya, selain daripada anteseden yang berada di dalam kategori kuasaannya. Bahasa-bahasa yang mempunyai refleksif jarak jauh ini termasuklah bahasa Cina Mandarin (*ziji*) (38) dan bahasa Jepun (*zibun*) (39).

- (38) Wangwu_i shuo [Zhangsan_j zengsong gei Lisi_k yipian guanyu ziji_{i/j/*k} de
Wangwu berkata Zhangsan memberi kepada Lisi satu tentang diri LINKER
wenzhang].

rencana

‘Wangwu berkata Zhangsan memberi Lisi sebuah rencana tentang dirinya.’

(Cole dan Sung 1994)

- (39) Ken_i-wa [Naomi_j-ga zibun_{i/j}-o aisiteiru] to sinziteiru.
Ken-TOP Naomi-NOM diri-ACC mencintai bahawa mempercayai
‘Ken mempercayai bahawa Naomi mencintai dirinya.’

Jika mengikut Syarat A, sepatutnya *ziji* dan *zibun* tidak boleh ditambah oleh unsur yang berada di luar kategori

kuasaannya, yang ditandai kurungan persegi. Akan tetapi, seperti yang ditunjukkan dalam contoh-contoh di atas dengan indeks ‘i’, hubungan anafora seperti itu sebenarnya gramatis. Satu hal yang nyata ialah refleksif jarak jauh seperti yang terdapat dalam bahasa Cina Mandarin dan bahasa Jepun ini tidak wujud dalam bahasa Inggeris.

(40) Ken_i believes [Naomi_j loves herself_i/*himself_i].

Persoalannya sekarang ialah sama ada fenomena refleksif jarak jauh ini wujud dalam bahasa Melayu atau tidak. Seperti yang dilaporkan dalam kajian terdahulu, fenomena ini wujud dalam bahasa Melayu/Indonesia (Cole dan Hermon 1998, 2005; Gil 2001). Bentuk yang relevan dalam bahasa Melayu (Malaysia) adalah ‘*diri* + kata ganti nama diri’.

(41) Siti_i fikir [Ahmad_j mencintai dirinya_{ij/k}].

Ayat (41) dapat ditafsirkan dengan tiga cara, sebagaimana yang ditunjukkan oleh tiga indeks. Seperti contoh daripada bahasa Cina Mandarin (38) dan bahasa Jepun (39), *dirinya* mengambil sebagai antesedennya bukan sahaja *Ahmad* yang ada di dalam kategori kuasaannya yang ditandai kurungan persegi, tetapi juga *Siti* yang berada di luar kategori kuasaannya. Satu fakta yang tidak harus diabaikan di sini ialah *dirinya* juga boleh merujuk kepada orang yang lain, selain daripada Siti dan Ahmad. Berasaskan kenyataan ini, didapati bahawa walaupun bentuk ‘*diri* + kata ganti nama diri’ serupa dengan bentuk kata ganti nama refleksif lain, kerana ia mengandungi *diri*, namun pada masa yang sama ia juga memperlihatkan ciri-ciri penyebaran dan pentafsiran kata ganti nama. Keseluruhannya, penyebaran anteseden untuk (i) kata ganti nama refleksif, iaitu *diri sendiri* dan ‘*diri* + kata ganti nama diri + *sendiri*’, (ii) kata ganti nama dan (iii) ‘*diri* + kata ganti nama diri’ boleh digambarkan seperti berikut. ‘___’ melambangkan kedudukan ungkapan anafora yang dinyatakan.

(42) _____
anteseden [Kategori Kuasaan anteseden ____]

(i) kata ganti nama refleksif (Syarat A)	*	√
(ii) kata ganti nama (Syarat B)	√	*
(iii) ‘ <i>diri</i> + kata ganti nama diri’ (refleksif jarak jauh)	√	√
cf. ungkapan-R (Syarat C)	*	*

Daripada jadual di atas dapat dikatakan bahawa refleksif jarak jauh ‘*diri* + kata ganti nama diri’ adalah ‘*union*’ kata ganti nama refleksif dan kata ganti nama. Dakwaan ini juga disokong oleh bukti yang berlandaskan pengguguran FK (*VP ellipsis*) seperti yang dikemukakan oleh Cole dan Hermon (2005). Menurut para pengkaji ini, pengguguran FK yang mengandungi ‘*diri* + kata ganti nama diri’ menerima tafsiran *union* pengguguran FK, yang mengandungi kata ganti nama (tafsiran selekeh (*sloppy interpretation*) dan tafsiran tegas (*strict interpretation*)) serta pengguguran FK yang mengandungi ‘*diri* + kata ganti nama diri + *sendiri*’⁸ (tafsiran selekeh sahaja). Oleh yang demikian, saya menganggap bentuk ‘*diri* + kata ganti nama diri’ ini sebagai satu kelompok tersendiri dalam sistem ungkapan anafora dalam bahasa Melayu dan menamakannya sebagai ‘refleksif jarak jauh’.⁹

Akhir sekali, cuba kita lihat bagaimana refleksif jarak jauh ‘*diri* + kata ganti nama diri’ tersebut ditafsirkan melalui contoh ayat lain.

- (43) a. [?]Ahmad_i fikir [*dirinya*_{ij} akan pergi ke KL besok].
 b. Ali_i memukul *dirinya*_{ij}.
 c. Faridah_i membeli baju itu untuk *dirinya*_{ij}.
 d. Siti_i fikir [Ali_j memukul *dirinya*_{ij/k}].
 e. [Bapa Siti_i]_j tidak suka *dirinya*_{ij/k}.

Dalam semua ayat di atas, *dirinya* boleh mempunyai rujukan sama (*coreferential*) dengan apa-apa pun anteseden, tanpa mengira di dalam atau di luar kategori kuasa.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya melalui perbincangan dalam makalah ini, tidak dinafikan bahawa teori tambatan dapat diterapkan pada bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, dapatan makalah ini boleh dirumuskan seperti berikut:

⁸ Cole dan Hermon (2005) sama sekali tidak menyebut bentuk *diri sendiri*. Kemungkinan hal ini kerana menurut mereka dalam bahasa Melayu Singapura, penggunaan bentuk *diri sendiri* dikekang secara leksikal (Cole dan Hermon 1998). Ini merupakan satu perbezaan dialek antara bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Melayu Singapura. Sebagai contoh, ayat ‘*Dia nampak diri sendiri*’, gramatis dalam bahasa Melayu Malaysia, sebaliknya tidak gramatis dalam bahasa Melayu Singapura, seperti yang dilaporkan oleh mereka.

⁹ Pemilihan nama ini di sini cuma sebagai label sahaja. Sehubungan dengan itu, Cole dan Hermon (2005) mendakwa bahawa ‘*diri* + kata ganti nama diri’ sebenarnya bukan refleksif jarak jauh kerana ia tidak menepati tiga kriteria tipologi seperti yang telah diutarakan sebelum ini, dalam kosa ilmu kajian fenomena refleksif jarak jauh, iaitu (i) terdiri daripada satu morfem, (ii) berorientasi subjek dan (iii) menunjukkan Kesan Penghalangan (*Blocking Effect*), di mana hubungan anteseden-kata ganti nama refleksif dihalang oleh FN lain yang berada di antara dua unsur tersebut.

(44) FN dalam bahasa Melayu

FN	bentuk	Syarat Tambatan	contoh
1. anafor	<i>satu sama lain</i> (kata ganti nama menyalang); <i>diri sendiri</i> , 'diri + kata ganti nama diri + <i>sendiri</i> ' (kata ganti nama refleksif)	A	(29)–(32)
2. kata ganti nama	<i>saya, awak, dia</i> dll.	B	(34)–(36)
3. ungkapan-R	<i>Ali, bapa Siti, orang itu</i> dll.	C	(37)
4. refleksif jarak jauh	' <i>diri</i> + kata ganti nama diri'	$A \cup B$	(41), (43)

Berdasarkan jadual di atas, FN dalam bahasa Melayu dapat diklasifikasikan kepada empat kategori. Pertama, anafor, iaitu kata ganti nama menyalang dan kata ganti nama refleksif, yang mematuhi Syarat A dan ditambah oleh anteseden yang ada dalam kategori kuasaannya. Kedua, kata ganti nama yang mematuhi Syarat B dan bebas dalam kategori kuasaannya. Ketiga, ungkapan-R yang mematuhi Syarat C dan bebas sama sekali. Keempat, refleksif jarak jauh bersifat kedua-dua anafor dan kata ganti nama, dan ia ditambah secara semantik, tanpa mengira kategori kuasaannya.

Sebagai penutup, saya ingin menunjukkan keselarian di antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun dari segi bentuk anafor dan refleksif jarak jauh, yakni anafor yang dibentuk melalui menggabungkan perkataan 'sendiri' kepada refleksif jarak jauh. Perkataan 'sendiri' dalam bahasa Jepun adalah *zisin*.

- (45) refleksif jarak jauh anafor (= refleksif jarak jauh + 'sendiri')
- BM: dirinya dirinya sendiri
- BJ: zibun zibun zisin

Hal ini dipastikan menerusi perbezaan di antara dua bentuk dari segi FN yang mana yang berkemungkinan menjadi antesedennya.

- (46) a. Siti_i fikir [Ahmad_j mencintai *dirinya*_{ij}].
b. Siti_i fikir [Ahmad_j mencintai *dirinya sendiri*_{*ij}].

- (47) a. Ken_i-wa [Naomi_j-ga *zibun*_{ij}-o aisiteiru] to sinziteiru.
Ken-TOP Naomi-NOM diri-ACC mencintai bahawa mempercayai
'Ken mempercayai Naomi mencintai dirinya.'

- b. Ken_i-wa [Naomi_j-ga zibun zisin_{→ij}-o aisiteiru] to sinziteiru.
 Ken-TOP Naomi-NOM diri sendiri-ACC mencintai bahawa mempercayai
 ‘Ken mempercayai Naomi mencintai dirinya sendiri.’

Berdasarkan contoh (46) dan (47), *dirinya* dan *zibun* boleh ditambat oleh subjek matriks, iaitu *Siti* dan *Ken*, manakala *dirinya sendiri* dan *zibun zisin* tidak.

Rujukan

Chomsky, Noam

1981. *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht: Foris.

Cole, Peter dan Gabriella Hermon

- 1998 Long distance reflexives in Singapore Malay: An apparent typological anomaly. *Linguistic Typology* 2 (1).
 2005 The typology of Malay reflexives. *Lingua* 115: 627–644.

Cole, Peter dan Li-May Sung

- 1994 Head movement and long-distance reflexives. *Linguistic Inquiry* 25: 335–406.

Gil, David

- 2001 Reflexive anaphor or conjunctive operator: Riau Indonesian *sendiri*. Dalam P. Cole, G. Hermon dan C.-T. J. Huang (peny.) *Syntax and Semantics: Long-Distance Reflexives*, vol. 33, 83–118. New York: Academic Press.

Haegeman, Liliane

- 1994 *Introduction to Government and Binding Theory (2nd edition)*. Oxford: Blackwell.

Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong

- 2006 *Fonologi Autosegmental: Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus

Daud Baharum

- 1996 *Intelek Malay-English Dictionary: With Illustrations and Cross Reference in English*. Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn. Bhd.

Dewan Bahasa dan Pustaka

- 1994 *Kamus Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harper Collins Publishers

- 2002 *Collins Headstart Easy Learning Bilingual Dictionary English-Malay/Malay-English*. Subang Jaya: Headstart Publishing (M) Sdn. Bhd.